

Sultanah Johor: BERSIH 2.0 telah 'dirampas'
Malaysiakini.com
July 30, 2011

Selepas tiga minggu perhimpunan BERSIH 2.0 dilancarkan, perdebatan mengenainya terus berlarutan dengan seorang ahli kerabat diraja bertitah pertubuhan menuntut pembaharuan pilihan raya itu telah dirampas oleh kumpulan dan individu tertentu.

Sultanah Johor Raja Zarith Sofia Sultan Idris Shah, bertitah meskipun niat asal perhimpunan BERSIH adalah tulus atau ikhlas, namun ia telah diambil alih oleh pihak lain.

"Mereka telah dirampas oleh kumpulan dan individu lain, idea asal mengenai pilihan raya umum dan ketelusannya telah hilang," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menjawab soalan daripada seorang pelajar selepas merasmikan Persidangan Tahunan Pemimpin Pelajar Malaysia kali ke-5 di Hotel Kuala Lumpur Hilton pagi ini.

Raja Zarith Sofia, yang juga adalah Canselor Universiti Teknologi Malaysia, menasihatkan pelajar agar tidak mempercayai semua yang dilaporkan oleh media mengenai perhimpunan BERSIH itu.

Sebaliknya, titah baginda, mereka perlu menentukan sendiri mana yang benar dan cuba menilai sendiri sebanyak yang mungkin mengenai perkembangan di negara hari ini.